

SIARAN AKHBAR



Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@tth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TABUNG HAJI SERAH ZAKAT PERNIAGAAN TH 2012 KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

Kuala Lumpur, 18 April 2013 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyerahkan zakat perniagaannya kepada Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu berjumlah RM3,300,636.83.

Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan Terengganu telah berkenan mewakili Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu bagi menerima zakat tersebut yang telah disampaikan oleh Tuan Haji Abdul Halim Md. Jamil, Pengurus Besar Kanan, Pengurusan Hartanah dan Pentadbiran **TH** bertempat di Istana Terengganu, Jalan Kia Peng, Off Jalan Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Pengagihan zakat **TH** ini adalah sebahagian daripada perolehan keuntungan pendapatan yang dicatatkan oleh **TH** untuk tahun kewangan 2012. Jumlah zakat untuk Negeri Terengganu bagi tahun 2012 ini telah meningkat sebanyak 5.4% berbanding RM3,132,148.54 bagi tahun 2011.

Pembayaran zakat **TH** adalah berdasarkan kaedah modal kerja terlaras yang dilaksanakan mengikut pengiraan tahun kewangan semasa. Jumlah keseluruhan zakat perniagaan **TH** untuk tahun kewangan 2012 yang akan dibayar kepada negeri-negeri di Malaysia adalah sebanyak RM41.2 juta. Terengganu merupakan antara negeri yang tertinggi menerima jumlah zakat bagi tahun kewangan berkenaan.

Dalam majlis yang sama juga, pihak **TH** telah menyampaikan sumbangan Projek Baiti **TH** berjumlah RM350,000.00 bagi pembinaan 8 unit rumah baharu dan membaiki 1 unit rumah untuk golongan asnaf fakir miskin yang terpilih daripada seluruh Negeri Terengganu.

Projek Baiti **TH** ini merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat **TH**. Projek ini juga adalah merupakan sebahagian daripada agihan zakat perniagaan **TH** untuk pembinaan atau penambahbaikan rumah bagi golongan asnaf fakir miskin dan surau atau masjid. Selain Negeri Terengganu, Projek Baiti **TH** ini juga telah dilaksanakan di enam (6) buah negeri yang lain iaitu Kedah, Perak, Johor, Pahang, Kelantan dan Wilayah Persekutuan. **TH** telah memperuntukan sumbangan berjumlah RM2.52 juta untuk melaksanakan Projek Baiti **TH** untuk tahun 2012.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut adalah YB. Dato' Bentara Luar Dato' Haji Omar Bin Pilus, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, YBhg. Dato' Mohd Rozali Bin Saleh, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu, Tuan Haji Mohd Noor Bin Mohamad, Pengarah Baitulmal serta para pegawai **TH**.

- Tamat -

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam operasi pengurusan Haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah perladangan, hartanah, pembinaan, perbankan, teknologi maklumat, minyak & gas asli, pelancongan, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 119 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.

Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

<p>Hasri Hamidan Pengurus Perhubungan Media Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan Tabung Haji 201 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2125 Tel. Bimbit: 012 2444 117 Faks: 03 2164 0436 Email: hasri@lth.gov.my</p>	<p>Anis Zuhani Ahmad Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan Tabung Haji 201 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2132 Tel. Bimbit: 019 313 2972 Faks: 03 2164 0436 Email: anisz@lth.gov.my</p>
--	--